



Projek Sunway Serene di Petaling Jaya.

## SunCon sasar kontrak luar negara pertama tahun ini



Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

[Share](#) [Tweet](#) [Share](#)

KUALA LUMPUR: Sunway Construction Group Bhd (SunCon) yakin memperoleh kontrak pertamanya di luar negara tahun ini, khususnya di pasaran ASEAN.

Pengarah Urusan Kumpulan SunCon, Chung Soo Kiong, berkata pasaran ASEAN mempunyai potensi besar kepada kumpulan dalam projek pembinaan, yang dapat memberikan nilai tambah kepada prospek sektor pembinaan tambahan SunCon.

Beliau berkata, di Myanmar, SunCon bekerjasama dengan Capital Construction Ltd, bahagian pembinaan Capital Diamond Star Group (CDSG) dan sudah mengemukakan tender untuk projek pembangunan bercampur di Mandalay, Myanmar.

"Kami juga bersedia untuk mengemukakan tiga tawaran dalam projek infrastruktur jalan raya di India menjelang akhir tahun ini atau awal tahun depan.

"Di Singapura, kami telah menceburkan diri ke dalam sektor cerucuk. SunCon amat berharap dapat menjamin projek luar negara pertama kami untuk tahun ini," katanya dalam satu kenyataan.

Jumlah kontrak dalam tangan kumpulan pada Jun 2019 direkodkan pada RM5.8 bilion dengan jumlah kontrak baharu yang diterima ketika ini sebanyak RM1.537 bilion.

Nilai kontrak baharu itu melebihi sasaran kumpulan sebanyak RM 1.5 bilion dalam tempoh separuh pertama 2019.

Soo Kiong berkata, kumpulan juga masih meneruskan tender di pasaran domestik kerana pihaknya positif mengenai prospek sektor itu memandangkan beberapa projek mega seperti projek ECRL bernilai RM44 bilion dihidupkan kembali.

"Terdapat juga peluang dalam sektor tenaga lestari seperti pembangunan fasa ketiga Large Scale Solar (LSS). Kami menjangkakan lebih banyak projek yang akan diumumkan dalam 12 bulan akan datang yang dicerminkan dengan Indeks Pembinaan FBM Bursa Malaysia yang memperoleh lebih daripada 40 peratus sejak awal tahun ini," katanya.

SunCon mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM41.2 juta dengan pendapatan sebanyak RM440.2 juta bagi suku kewangan 30 Jun 2019.

Syarikat juga mencadangkan dividen interim pertama sebanyak 3.5 sen sesaham untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, meningkat 60 peratus berbanding tahun lalu.